

THE ROMAN BATHS BATH

Lawatan Ke Kolam Mandi Romawi

Kolam Mandi Romawi adalah salah satu tapak arkeologi yang paling terpelihara di Eropah utara. Ramai pengunjung-pengunjung meluangkan masa selama kira-kira 1 1/2 jam di sini. Kami harap anda akan menikmati lawatan anda ini.

Jika anda perlukan sebarang bantuan, sila tanya salah seorang kakitangan kami.

Lawat pandu percuma bermula tiap-tiap jam dari sebelah Kolam Mandi Agung (Great Bath). Setiap lawat pandu adalah selama 30-40 minit dan dikendalikan dalam bahasa Inggeris.

Di sini terdapat dua buah kedai Kolam Mandi Romawi dan anda diundang untuk megunjungi Bilik Pam (Pump Room) abad ke-18 untuk menikmati minuman dan hidangan ringan yang menyegarkan di hujung lawatan anda.

Diharap tolong jangan minum air dari Kolam-Kolam ini! Air Spa untuk minuman boleh didapati di Bilik Pam (Pump Room). Ini adalah percuma dengan tiket masuk anda.

Sila ambil perhatian bahawa anda tidak dibenarkan makan, minum, mengunyah chewing gum dan merokok di tempat ini.

Air Panas

Terdapat tiga kolam mata air panas di Bath. Kolam yang terbesar sekali memancut di tapak ini di Kolam Suci Romawi (Roman Sacred Spring) dari kedalaman kira-kira 3000m. Air ini mengandungi 43 mineral dan mengalir pada kadar kira-kira 1,250,000 liter setiap hari pada suhu mantap 46.5°C. Di sekitar kolam mata air panas inilah terbinanya Kolam Mandi dan Kuil Romawi.

Asal usul Romawi

Spa Romawi di Bath (Aquae Sulis) telah dilahirkan setelah pencerobohan Britain oleh Romawi dalam tahun 43 Masehi. Dari prasasti yang terdapat, kita ketahui bahawa ianya ujud di sini dalam tahun 75 Masehi. Ianya dinamakan mengikut nama dewa Keltik Kolam Mata Air, Sulis, yang disamakan dengan dewi Romawi, Minerva. Sebuah lingkungan yang berhiaskan jajaran tiang batu yang mengandungi kuil Sulis Minerva telah dibina di bahagian utara Kolam Mata Air ini, manakala di bahagian selatan pula berbagai-bagai kolam mandi untuk mencuci badan dan menyembuh penyakit telah didirikan. Kolam Mata Air Suci (Sacred Spring) ini mempunyai dua fungsi. Pada satu ketika dahulu, ianya merupakan tempat menyembah, di mana dilontarkan ke dalamnya segala persembahan untuk Sulis Minerva. Ia juga merupakan takungan yang menyediakan bekalan air panas kepada Kolam-Kolam Mandi di situ. Oleh kerana ini dianggap tempat suci, tiada siapa yang pernah berenang di kolam ini.


Perkembangan kemudian

Selepas tamat pemerintahan Romawi, kuil pagan tersebut telah dimusnahkan dan kolam-kolam mandi ini telah runtuh dan terbenam. Kolam Mandi Raja (The King's Bath) telah dibina dalam abad ke-12 terus di atas Kolam Mata Air Suci dan telah digunakan untuk mandi rawat dan berenang. Dalam abad ke-18, air spa disukai ramai sebagai air minuman dan Bilik Pam dibina di sebelah Kolam Mandi Raja untuk tujuan ini. Penemuan semula yang pertama sebahagian dari Kolam Mandi Romawi ini adalah pada awal abad ke-18, tetapi saiz dan skala tapak Romawi ini masih tidak dapat difahami sehingga tahun 1880an, di mana sebahagian besar Kolam Mandi Romawi ini digali dan tapak asal yang sepenuhnya didedahkan.

Dalam pameran

Beberapa objek yang paling terkenal dari zaman Romawi Britain boleh dilihat di sini. Jangan ketinggalan untuk melihat objek istimewa seperti pedimen Kepala Gorgon yang berasal dari kuil ini, kepala gangsa keemasan dewi Sulis Minerva dan lain-lain penemuan purba yang telah digali dari Kolam Mata Air Suci ini. Selain dari itu, terdapat juga pameran tempat-tempat pemujaan dan batu-batu nisan yang mencatatkan pelawat-pelawat tentara dan orang awam yang mengunjungi spa ini di sepanjang Empayar Romawi.

Kolam Mandi Romawi Tingkat bawah



- 1 Kolam Mata Air Suci
- 2 Penemuan Purba dari Kolam Mata Air
- 3 Kuil
- 4 Pekarangan Kuil
- 5 Objek-objek dari zaman Romawi Britain
- 6 Limpahan Kolam Mata Air
- 7 Kedai kecil
- 8 Kolam Mandi Agung
- 9 Kolam Mandi Timur
- 10 Kolam Mandi Barat

Pekarangan Kuil (4)

Di dalam laluan jalan dari mana dapat dilihat Kolam Mata Air Suci, sebilangan besar duit syiling, sumpahan dan persembahan kepada Sulis Minerva ada dipamerkan. Kesemua ini dijumpai dalam Kolam Mata Air Suci pada tahun 1878 dan 1979-80. Kawasan di bawah Bilik Pam telah digali pada tahun 1981-3, dan telah menunjukkan pekarangan tertutup Romawi di depan Kuil dan beberapa tangga Kuil. Ini pada asalnya merupakan ruang terbuka. Kuil tersebut tidak boleh dimasuki. Sebahagian dari mazbah ini telah dibina semula di tempat asalnya. Kepala gangsa keemasan Minerva dari patung saiz sebenar yang dulunya tercegat di dalam Kuil dipamerkan dekat dengan Tangga Kuil.

Kolam-Kolam Mandi

Kolam Mata Air Suci (1) memancut ke dalam takungan Romawi yang dibina untuk menampung air. Golongan Romawi telah menutup Kolam Mata Air ini dengan bumbung melengkung. Setelah pemergian mereka, bumbung ini telah runtuh masuk ke dalam Kolam Mata Air. Pada kira-kira tahun 1100, Kolam Mandi Raja dibina di atas tinggalan-tinggalan Romawi ini. Lanya telah diubah beberapa kali dan apa yang anda dapat lihat hari ini kebanyakannya adalah dari abad ke-18 dan ke-19. Kesan besi yang bewarna jingga menunjukkan paras air dahulu. Kini, air dikekalkan pada paras Romawi.

Kolam Mandi Agung (8) diisi dengan air mineral panas dari Kolam Mata Air. Lanya dikelilingi oleh tangga sampai ke dataran bawah, yang mempunyai kedalaman 1.60m dan masih diseliputi dengan plumbum Romawi. Golongan Romawi telah membina sebuah kekubah batu berbentuk tong yang amat besar di atasnya, dan sebahagian darinya dapat dilihat di sebelah Kolam Mandi. Di kedua-dua belah terdapat lekuk di mana pemandi –pemandi dapat duduk dan berbual, jauh dari pinggir air. Sebuah kolam air pancut terletak di separuh jalan di sebelah utara.

Kolam Mandi Timur (9) pada asalnya terdiri dari dua kolam kecil yang diisi dengan air suam dari Kolam Mandi Agung. Kolam-kolam ini telah diluaskan dan diperkembangkan semula beberapa kali dalam masa 350 tahun. Tiang-tiang hipokaust (pemanasan bawah lantai) menopang lantai-lantai konkrit yang dihiasi dengan batu mosaik yang hanya tinggal satu sahaja pada hari ini. Di dalam kolam mandi kecil yang separuh bulat, pengunjung-pengunjung ke kolam ini duduk di atas bangku batu panjang dengan berendam sehingga ke paras tengkok, di dalam air yang dibawa dari Kolam Mata Air melalui paip plumbum.

Kolam Mandi Barat (10) mengandungi Kolam Mandi Bulat air sejuk, yang pada asalnya merupakan dewan masuk ke kolam-kolam mandi ini. Kemudiannya, kolam bulat ini dibina sebagai kolam mandi air sejuk bagi pemandi-pemandi yang meninggalkan bilik panas yang bersebelahan dengannya. Seperti Kolam Mandi Timur, ini adalah merupakan kolam stim atau Kolam Mandi Turki. Satu contoh yang baik hipokaust ini boleh dilihat di sini. Kolam mandi terakhir dalam susunan ini yang dapat anda lihat ialah sebuah lagi kolam mandi air sejuk.

Pintu keluar dari Kolam-Kolam ini menuju ke tandas, Kedai Kolam Mandi Romawi dan Bilik Pam – di mana air spa atau hidangan ringan yang menyegarkan dapat dinikmati.